

29 APR 2001

Khair-Pemaju

PEMAJU DINASIHAT TIDAK KEJAR UNTUNG SEMATA-MATA

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo meminta pemaju perumahan membina lebih banyak rumah kos rendah kerana terdapat pasaran baginya.

Menurut beliau tidak ada gunanya pemaju perumahan membina rumah kos tinggi kerana ingin mengaut keuntungan sedangkan sambutan terhadap rumah jenis itu kurang hingga menyebabkan projek berkenaan terbengkalai.

"Walaupun dengan membina rumah jenis kos sederhana dan rendah tidak dapat mengaut untung yang banyak, lebih baik pemaju untung sedikit daripada menanggung kerugian yang besar," katanya ketika berucap di majlis penyerahan anak kunci secara simbolik kepada pembeli perintis 6,112 buah rumah mampu milik di Damansara Damai, Sungai Buloh di sini yang dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Seramai 20 pemilik pertama menerima anak kunci secara simbolik bagi projek perumahan kos rendah dan sederhana yang dijalankan oleh sebuah anak syarikat MK Land Holdings Bhd di kawasan seluas 160 hektar itu.

Khair berkata projek itu merupakan contoh terbaik di negeri berkenaan setakat ini khususnya untuk perumahan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Sebelum itu Pengerusi Eksekutif MK Land Holdings Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar berkata sebanyak 6,112 buah apartmen telah disasarkan untuk disiapkan dan diserahkan pada pertengahan tahun ini.

"Skim perumahan penswastaaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor ini merangkumi 75 peratus pembangunan kediaman jenis rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan kos sederhana manakla bakinya adalah rumah kedai," kata beliau.

Harga jualan rumah berkenaan adalah antara RM25,000 dan RM80,000 manakala projek dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2005 dengan pembinaan sebanyak 14,024 unit kediaman dan komersil.

Beliau berkata walaupun dilancarkan pada pertengahan tahun 1998 semasa negara mengalami kegawatan ekonomi, permintaan untuk rumah di kawasan itu laris kerana ia mampu dimiliki.

Sehingga pertengahan bulan ini, katanya, kira-kira 11,700 unit kediaman dan komersil telah dijual dengan nilai jualan sebanyak RM713 juta.

Beliau berkata taman bandar Damansara Damai berasaskan konsep taman rimba bermatlamat mengekalkan kawasan hijau di kawasan pembangunan itu.

-- BERNAMA

SHS NZ PR